

# Pengantarabangsa

## **ASAS AKADEMIK TRADISIONAL BUKANLAH YANG TERBAIK.**

**10 Disember 2007** - Mendalami asas akademik tradisional bukanlah yang terbaik walaupun ia digunakan dan dipraktikkan oleh universiti termashyur seperti Cambridge. Pendapat ini telah diperkatakan oleh Dr. Abir Al-Tabaa, pensyarah bagi Kejuruteraan Geoteknikal dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Cambridge.

Menurut beliau lagi, universiti baru seperti UniMAP sebenarnya mempunyai sokongan untuk menjadi universiti yang lebih moden dan cekap yang membolehkan UniMAP mendapat permintaan di seluruh dunia.

Dr. Abir merupakan seorang pemeriksa luar bagi Fakulti Kejuruteraan Alam Sekitar di UniMAP. Beliau telah mengadakan lawatan selama seminggu di UniMAP bagi melihat pengurusan akademik bagi program di Fakulti Kejuruteraan Alam Sekitar khususnya dalam bidang ko-kurikulum.